

KERATAN AKHBAR

CHINA PRESS

TARIKH: 11 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: A5

PERUNTUKAN KAMPUNG BAHARU DILAMPIRKAN DENGAN PAKEJ

TUAN CHA KEE CHIN, ADUN RASAH KRITIK KPKT AMALKAN SIKAP *LITTLE NAPOLEON*

[SEREMBAN] Tuan Cha Kee Chin, ADUN Rasah mengatakan Kementerian Kewangan Malaysia telah menyalurkan peruntukan kampung baharu RM85 juta kepada KPKT. Apabila peruntukan tersebut diterima oleh KPKT, ia telah menjadi RM60 juta dan dilampirkan dengan RM25 juta. Beliau mempersoalkan KPKT mengamalkan sikap *little napoleon* dan cuba memberi tekanan kepada pegawai pembangunan kampung baharu.

Beliau berkata dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh YB Tuan Lim Guan Eng pada 11 Oktober 2019, belanjawan tersebut memperuntukkan RM85 juta kepada kampung baharu. Apabila beliau menyoal peruntukan kampung baharu tersebut kepada YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah ibni Raja Ahmad Baharudin Shah, Timbalan KPKT, YBM Timbalan KPKT mengatakan peruntukan tersebut ialah RM60 juta + RM25 juta. Beliau mengatakan KPKT mengamalkan sikap *little napoleon* dalam pengurusan peruntukan kampung baharu ini dan cuba memberikan tekanan kepada kampung baharu Cina. Beliau berkata peruntukan kampung baharu tersebut sepatutnya dilakukan berdasarkan Belanjawan 2020. Beliau juga mempunyai pendirian yang sama dengan YB Tuan Lim Guan Eng iaitu peruntukan kampung baharu mesti meningkat dan bukannya menurun. Beliau juga menegaskan kerajaan seharusnya memberikan lebih banyak peruntukan kepada kampung baharu bagi menyokong pembangunan kampung baharu dan peruntukan tidak boleh berkurangan. Beliau memberi contoh kes peruntukan Kampung Baharu Rahang dalam pembinaan perpustakaan baharu. Peruntukan asal yang diberikan ialah RM100,000 telah dikurangkan kepada RM70,000. Cara peruntukan tersebut tidak akan memanfaatkan pembangunan kampung baharu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN